TAN SOON GEOK

lwn.

PP & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDULL HAMID EMBONG H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-47-2003]
18 OGOS 2004

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Penghakiman, hukuman atau perintah - Keputusan menolak pemakaian undang-undang di England di bawah s. 5 Kanun Acara Jenayah - Sama ada keputusan itu satu keputusan interlokutori atau muktamad - Sama ada keputusan itu adalah satu perintah muktamad yang boleh dirayu di bawah s. 307(1) Kanun Acara Jenayah*

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan - Kuasa semakan Mahkamah Tinggi - Sama ada kuasa itu hendaklah digunakan secara jimat dan berhati-hati*

Perayu telah membuat dua permohonan di bawah s. 51(1) Kanun Acara Jenayah di hadapan Mahkamah Sesyen untuk menzahirkan beberapa dokumen di bawah milikan pihak pendakwa raya. Ketika berhujah di hadapan Mahkamah Sesyen peguam perayu telah memohon agar mahkamah mengguna pakai undang-undang di England seperti yang diperuntukkan di bawah s. 5 Kanun Acara Jenayah. Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak permohonan perayu dan sekaligus memutuskan bahawa s. 5 Kanun tidak terpakai oleh kerana permohonan perayu itu boleh dipertimbangkan di bawah s. 51(1) Kanun. Perayu telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan tersebut. Di hadapan Mahkamah Tinggi, pendakwaraya telah menimbulkan bantahan awal, iaitu sama ada keputusan hakim Mahkamah Sesyen untuk menolak pemakaian undang-undang di England di bawah s. 5 Kanun boleh dirayukan. Hujah pendakwaraya, keputusan tersebut adalah satu keputusan berkaitan satu acara dan tidak mempunyai kesan muktamad. Ianya tidak melupuskan hak pihak-pihak dalam prosiding di Mahkamah Sesyen itu, kata Timbalan Pendakwa Raya. Peguam-peguam perayu dan responden kedua berhujah *inter alia* bahawa keputusan hakim Mahkamah Sesyen itu bersifatkan muktamad dan boleh dirayu. Kata peguam-peguam tersebut, Mahkamah Tinggi boleh juga menggunakan kuasanya di bawah s. 323 Kanun untuk menyemak keputusan Mahkamah Sesyen.

Diputuskan (menolak rayuan perayu):

[1] Keputusan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Sesyen itu adalah satu keputusan interlokutori berkaitan satu kaedah sahaja dan tidak memutuskan isu itu secara muktamad. Keputusan hakim Mahkamah Sesyen itu tidak boleh dianggapkan sebagai satu perintah yang muktamad yang boleh dirayu di bawah s. 307(1) Kanun yang membenarkan rayuan terhadap sesuatu 'judgment, sentence or order'. (ms 666 g-h & 667 a)

[2] Kuasa semakan Mahkamah Tinggi hendaklah digunakan secara jimat dan berhati-hati. Bagi permohonan ini ia tidak sesuai digunakan. (ms 667 d-e)

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Kulasingam [1974] 2 MLJ 26 ***(diikuti)***
Tennakoon D Harold v. PP [1997] 1 CLJ Supp 392 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 5, 51(1), 307(1), 323

Bagi pihak perayu - Edmund Bon (Amir Hamzah); T/n Chooi & Co
Bagi responden pertama - Karim Abdul Jali
Bagi pihak responden kedua - Ng Aik Guan; T/n Ng Aik Guan & Co

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon

PENGHAKIMAN

Abdull Hamid Embong H:
Perayu telah dituduh dengan kesalahan di bawah s. 84(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca bersama s. 122C(c) Akta sama. Sebelum perbicaraan bermula perayu telah membuat dua permohonan di bawah s. 51(1) Kanun Acara Jenayah untuk menzahirkan beberapa dokumen di bawah milikan pihak pendakwa raya. (PJ 2-64-22-2003 dan PJ 2-64-23-2003). Di hadapan Mahkamah Sesyen, ketika berhujah peguam terpelajar perayu telah memohon agar mahkamah menggunapakai undang-undang di England seperti yang diperuntukkan di bawah s. 5 Kanun Acara Jenayah berbunyi:

> As regards matters of criminal procedure for which no special provision has been made by this Code or by any other law for the time being in force the law relating to criminal procedure for the time being in force in (England) shall be applied so far as the same shall not conflict or be inconsistent with this Code and can be auxiliary thereto.

Yang arif hakim Mahkamah Sesyen telah menolak permohonan perayu dan sekali gus juga berpendapat bahawa s. 5 Kanun Acara Jenayah tersebut tidak terpakai, oleh sebab permohonan perayu itu boleh dipertimbangkan di bawah s. 51(1) Kanan Acara Jenayah yang berbunyi:

> Whenever any Court or police officer making a police investigation considers that the production of any property or document is necessary or desirable for the purposes of any investigation, inquiry, trial or other proceeding under this code or before such court or officer such court may issue a summons or such officer a written order to the person in whose possession or poser such document or document is believed to be requiring him to attend and produce it at the time and place stated in the summons or order.

Terhadap keputusan itu, perayu telah membuat rayuan ke mahkamah ini. Rayuan juga telah dibuat terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen dalam Permohonan Jenayah 2-64-23-2003. (Rayuan ini telah ditolak oleh mahkamah ini dan perayu seterusnya telah merayu ke Mahkamah Rayuan).

Di hadapan saya, timbalan pendakwa raya telah menimbulkan bantahan awal iaitu, samaada keputusan hakim Mahkamah Sesyen untuk menolak pemakaian undang-undang di England di bawah s. 5 Kanun Acara Jenayah, boleh dirayukan oleh sebab ini adalah satu keputusan berkaitan satu acara dan tidak mempunyai kesan muktamad dan telah tidak melupuskan hak pihak-pihak dalam prosiding di Mahkamah Sesyen itu. Peguam terpelajar perayu pula berhujah bahawa oleh sebab ada 'lacuna' dalam undang-undang negara ini berkaitan pembekalan dan penzahiran dokumen sebelum perbicaraan dalam prosiding jenayah, maka mahkamah boleh di bawah s. 5 Kanun Acara Jenayah itu menggunapakai undang-undang di England. Peguam bagi responden kedua dalam menyokong hujah peguam perayu menyatakan bahawa keputusan hakim Mahkamah Sesyen itu bersifatkan muktamad dan boleh dirayu. Tambah lagi, hujah kedua-dua peguam tersebut, mahkamah ini boleh menggunakan kuasanya di bawah s. 323 KAJ untuk menyemak keputusan oleh Mahkamah Sesyen itu.

Saya telah menerima pendirian timbalan pendakwa raya dan telah menolak rayuan itu sebagai satu perkara yang tidak boleh dirayu. Bagi saya, keputusan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Sesyen itu ialah satu keputusan interlokutori berkaitan satu kaedah sahaja dan tidak memutuskan isu itu secara muktamad. Sayugia dinyatakan bahawa isu ini tidak menjadi tajuk kepada permohonan perayu dan hanya dibangkitkan ketika peguam terpelajar perayu membuat hujahnya. Keputusan hakim Mahkamah Sesyen itu, dalam pandangan saya tidak boleh dianggapkan sebagai satu perintah yang muktamad yang boleh dirayu di bawah s. 307(1) KAJ yang membenarkan rayuan terhadap sesuatu "judgment,

sentence or order" yang dibuat oleh Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi. Dalam kes *Tennakoon D Harold v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 392 telah diputuskan bahawa "the term" judgment appearing in s. 307(1) of the CPC must necessarily refer to a final order in a trial terminating in the conviction or an acquittal of an accused while an "order" must relate to a final order".

Juga diputuskan:

> Procedural rulings are not appealable as they would open the floodgates and the administration of criminal justice would grind to a halt. Public confidence in the judiciary would therefore be eroded.

Selain daripada itu, mahkamah ini telah juga mendengar hujah sepenuhnya oleh kedua-dua pihak yang sama terhadap permohonan yang serupa di bawah s. 51(1) KAJ dalam rayuan terhadap PJ2-64-23-2003.

Berkenaan kuasa semakan mahkamah ini, saya berpendapat bahawa kuasa ini hendaklah digunakan secara jimat dan berhati-hati dan bagi permohonan ini, ia tidak sesuai digunakan. Dalam kes *PP v. Kulasingam* [1974] 2 MLJ 26, telah diputuskan bahawa:

> The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision, the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice.

Atas sebab ini, rayuan ini telah ditolak.